

1978

TOKYO, 1 NOV. (BERNAMA PE) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MERASMIKAN SATU SEMINAR GALAKAN PELABURAN MALAYSIA DI SINI DAN MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR ASING BAHAWA DASAR EKONOMI BARU MALAYSIA AKAN DICAPAI MELALUI PERTUMBUHAN DAN BUKAN DENGAN MEMILIKNEGARAKAN ATAU MERAMPAS HARTA BENDA MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN MATLAMAT DASAR TERSEBUT ADALAH MEMBAHAGI-BAHAGIKAN EKONOMI NEGARA SEBANYAK 30 PERATUS KEPADA BUMIPUTERA, 40 PERATUS KEPADA BUKAN BUMIPUTERA DAN 30 PERATUS LAGI KEPADA ORANG ASING MENJELANG TAHUN 1990 BUKAN BERMAKNA BERKURANGANNYA HAKMILIK ORANG ASING.

"IA SETAKAT BERMAKNA BAHAWA PERTUMBUHAN BAGI KAUM BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA AKAN LEBIH CEPAT DARI KUMPULAN PENDATANG," UJARNYA.

"KAMI TIDAK AKAN MEMILIKNEGARAKAN ATAU MERAMPAS HARTA BENDA WALAUPUN PENGAMBILAN ALIH SECARA SAH MELALUI PEMBELIAN SAHAM-SAHAM MUNGKIN DILAKUKAN."

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SEDANG MEMIMPIN ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN MALAYSIA SERAMAI 42 ORANG KE JEPUN, TERMASUK 31 ORANG WAKIL DARI SEKTOR SWASTA.

SEMINAR HARI INI IAITU YANG PERTAMA DARI TIGA SEMINAR YANG DIJADUALKAN DI SINI DAN DI OSAKA, TELAH DIHADIRI OLEH 150 ORANG WAKIL DARI SYARIKAT-SYARIKAT TERKEMUKA JEPUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, TUJUAN DASAR EKONOMI BARU ITU ADALAH MELAHIRKAN SATU MASYARAKAT YANG LEBIH SEIMBANG DAN INI TIDAK MUNGKIN DICAPAI. DARI ITU PELAKSANAAN DAN TARIKH SASARAN DASAR INI PADA TAHUN 1990 ADALAH LEBIH LONGGAR DAN TIDAK BEGITU KETAT.

TERDAPAT BEBERAPA MASALAH AWAL, TAMBAHNYA, TTAPI PADA KELOMPOKNYA, DEB DARI ASPEK BUMIPUTERA TELAH DITERIMA DAN TIDAK MENIMBULKAN BANYAK KESULITAN KEPADA PARA PELABUR ASING.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENERANGKAN LEBIH LANJUT MENGENAI TUJUAN AKTA PENYELERASAN PERINDUSTRIAN, SAMBIL MENYATAKAN BELIAU SEDAR ADANYA BEBERAPA SALAHFAHAM MENGENAI PELAKSANAANNYA DIKALANGAN PARA PELABUR ASING.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA MEREKA BAHAWA AKTA ITU TIDAK AKAN MENJADI BATU PENGHALANG KEPADA PELABURAN SWASTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA TIDAK AKAN TIMBUL KELAMBATAN ATAU HALANGAN DALAM PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN ATAU DIVIDEN.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PESERTA JEPUN ITU BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI SUMBER ASLI, TENAGA KERJA, INFRASTRUKTUR, KEKUATAN EKONOMI DAN MATAWANG SERTA KESTABILAN POLITIK DAN KEWANGAN.

APA YANG DIPERLUKAN OLEH MALAYSIA BAGI MENJAYAKAN USAHA USAHA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIANNYA IALAH PENGETAHUAN TEKNIK, KEMAHIRAN PENGURUSAN, MODAL DAN PASARAN EKSPORNYA.

"APA YANG KAMI CDANGKAN IALAH GABUNGAN SUMBER-SUMBER YANG ADA DI MALAYSIA DAN SUMBER YANG ADA DI NEGARA INI UNTUK MENGADAKAN PROJEK-PROJEK USAHASAMA YANG AKAN MEMBERI FAEDAH BERSAMA KEPADA MALAYSIA DAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG MELABUR," TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA MENGALU-ALUKAN PARA PELABUR JEPUN YERTAI USAHANYA UNTUK MEWUJUDKAN SEKTOR PERTANIAN MODEN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI DI MALAYSIA.

"APA YANG KAMI PINTA BUKANLAH BANTUAN ATAU HADIAH. KAMI MENCARI PROJEK-PROJEK EKONOMI YANG MENGUNTUNGGAN KEDUA-DUA YANG BOLEH DILANCARKAN DENGAN BANTUAN TEKNOLOGI, KEMAHIRAN DAN KEPAKARAN PEMASARAN ANTARABANGSA DARI JEPUN," KATANYA.